

**TERMA DAN SYARAT UNTUK SURAT KREDIT X'PRESS**

1. Terma dan syarat berikut akan mentadbir Surat Kredit X'press:-
2. Anda perlu melaksanakan sebarang dokumen dan/atau perjanjian yang berkaitan dengan Permohonan ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada indemniti dalam apa-apa bentuk dan kandungan sedemikian yang diperlukan oleh Bank).
3. Sebagai pertimbangan kepada persetujuan Bank untuk mengeluarkan Surat Kredit, anda perlu membayar kepada Bank jumlah yang bersamaan dengan 100% daripada jumlah agregat Surat Kredit yang akan dikeluarkan atau telah dikeluarkan oleh Bank seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 8 Borang Permohonan ini ("**Jumlah LC yang Ditetapkan**") dan bagi jumlah yang bersamaan dengan peratusan toleransi Jumlah LC yang Ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 9 Borang Permohonan ini ("**Jumlah Toleransi yang Ditetapkan**") (jika berkenaan) dan untuk tujuan ini, anda membenarkan Bank mendebit akaun anda seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 22 Borang Permohonan ini ("**Akaun Anda**") yang dikekalkan dengan Bank untuk Jumlah LC yang Ditetapkan dan, jika berkenaan, untuk Jumlah Toleransi yang Ditetapkan, tertakluk kepada terma dan syarat berikut:

- (a) Jika jumlah yang ada pada kredit dalam Akaun anda adalah kurang daripada jumlah yang akan didebitkan oleh Bank bagi tujuan pengeluaran Surat Kredit, anda perlu menandatangani sebarang jumlah yang mungkin diminta oleh Bank daripada anda ke dalam Akaun anda dengan serta-merta bagi membayar kekurangan tersebut sebelum pengeluaran Surat Kredit oleh Bank;
- (b) Jika mata wang di mana Surat Kredit akan dikeluarkan atau telah dikeluarkan oleh Bank menurut Permohonan ini adalah tidak sama dengan mata wang di mana Akaun anda dikekalkan dengan Bank ("**Mata Wang Akaun**"), Bank berhak dan dibenarkan untuk menukarkan Jumlah LC yang Ditetapkan dan Jumlah Toleransi yang Ditetapkan (jika berkenaan) kepada jumlah setara dalam mata wang yang bersamaan dengan Mata Wang Akaun dengan menggunakan kadar pertukaran yang lazim Bank dan mendebit jumlah yang ditukarkan (yang telah ditukar ke Mata Wang Akaun) dari Akaun anda;

Sebagai contoh, jika Surat Kredit yang dipohon adalah untuk USD10,000.00, Jumlah Toleransi yang Ditetapkan ialah 10%, Akaun anda dikekalkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan kadar pertukaran ialah USD1.00 = RM3.40, maka Bank berhak untuk mendebit RM37,400.00 dari Akaun anda.

Anda bersetuju dan mengakui bahawa jumlah yang didebitkan dari Akaun anda menurut Klausa 3 di atas akan dianggap sebagai hak milik Bank daripada tarikh Bank melakukan pendebitan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3 di atas.

4. Anda dengan ini selanjutnya membenarkan Bank untuk mendebit mana-mana akaun yang anda kekalkan dengan Bank (termasuk akaun anda yang mengandungi nombor akaun seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 22 dan/atau 23 Borang Permohonan ini) tanpa notis selanjutnya kepada anda untuk sebarang jumlah yang bersamaan dengan semua caj, kos, kerugian dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kekurangan akibat turun naik pertukaran asing) yang ditanggung atau dialami atau mungkin ditanggung atau dialami oleh Bank dan untuk apa-apa wang, komisen atau fi yang perlu dibayar dan terutang kepada Bank berkenaan dengan dan/atau berhubung dengan Surat Kredit yang akan dikeluarkan atau telah dikeluarkan oleh Bank bersama dengan cukai atau levi sedemikian yang dinyatakan dalam klausa 5 dan 6.
5. Anda akan membayar sebarang cukai atau levi lain yang, pada tarikh permohonan ini atau pada mana-mana tarikh selepas tarikh Permohonan ini, diperlukan oleh undang-undang atau peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan yang dikeluarkan di bawah undang-undang sedemikian (dan akan termasuk sebarang pindaan yang dilakukan kepada undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan sedemikian) yang perlu dibayar kepada mana-mana pertubuhan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank, berkenaan dengan sebarang wang yang dikenakan ke atas atau yang ditanggung oleh Bank berhubung dengan Permohonan ini dan/atau Surat Kredit.
6. Sebarang cukai atau levi lain yang ditanggung oleh Bank berhubung dengan Permohonan ini dan Surat Kredit akan ditanggung oleh dan dikenakan kepada anda dan sekiranya Bank melakukan pembayaran, anda bertanggungjawab untuk membayar balik jumlah yang dibayar kepada Bank.
7. Bank tidak bertanggungjawab untuk melaksanakan dan/atau menjalankan sebarang permintaan, perintah dan/atau arahan anda sama ada sebelum atau selepas pengeluaran Surat Kredit oleh Bank tanpa memberikan sebarang sebab atau penjelasan kepada anda:
  - (a) jika, pada pendapat Bank, ia merupakan atau akan bertentangan dengan sebarang undang-undang, peraturan, arahan, sekatan atau permintaan di Malaysia atau mana-mana bidang kuasa berkenaan yang lain; dan/atau
  - (b) jika Bank mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa sesuatu pelanggaran keselamatan, penipuan, perbuatan jenayah dan/atau kesalahan telah dilakukan atau akan dilakukan; dan/atau
  - (c) jika Bank mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa permintaan, arahan atau perintah tersebut akan menjejaskan Bank,

DAN Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian dan/atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh anda atau mana-mana pihak lain yang timbul daripada keengganan Bank untuk melaksanakan dan/atau menjalankan permintaan, arahan atau perintah sedemikian.

8. Bank tidak akan dalam apa-apa keadaan sekalipun bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak lain, untuk sebarang kelewatan, kesilapan atau peninggalan yang mungkin berlaku dalam penghantaran arahan melalui pos atau kabel, atau untuk kehilangan atau kelewatan dalam menghantar dokumen atau untuk kesahan, keteraturan atau ketulenan dokumen jika ia adalah jelas teratur atau untuk huraian, kualiti, kuantiti atau nilai hartanah yang diwakili oleh dokumen sedemikian.
9. Jika Surat Kredit memerlukan insurans untuk dilaksanakan oleh pembeli barangan yang mana Surat Kredit telah dikeluarkan (sama ada anda atau mana-mana pihak lain), anda perlu menginsuranskan hartanah dan akan menyimpan insurans hartanah dalam nama bersama Bank dan pembeli barangan sedemikian. Jika insurans tersebut tamat tempoh, Bank berhak untuk mendapatkan insurans bagi pihak pembeli barangan tersebut, jika anda gagal atau tidak memperolehi insurans sedemikian, pada kos anda sehingga masa yang dianggap sesuai oleh Bank. Anda berjanji untuk membayar balik kepada Bank sebarang kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Bank untuk mendapatkan insurans bagi pihak pembeli barangan tersebut (termasuk tetapi tidak terhad kepada premium yang perlu dibayar berkenaan dengan polisi insurans sedemikian) dan Bank berhak kepada hak di bawah Klausa 4 untuk melaksanakan pembayaran balik sedemikian.

10. Jika jumlah yang dibayar oleh anda kepada Bank menurut Klausula 3 di atas telah diketepikan, dielakkan atau dikurangkan di bawah undang-undang yang digunakan atau untuk apa-apa sebab sekalipun atau terbukti tidak sah untuk apa-apa sebab sekalipun, anda perlu membayar balik jumlah tersebut kepada Bank apabila diminta oleh Bank.

11. Apabila anda menyerahkan yang berikut kepada Bank:-

- (a) salinan asal Surat Kredit untuk pembatalan oleh Bank; atau
- (b) salinan asal surat yang dikeluarkan oleh penerima yang ditujukan kepada Bank untuk mengesahkan bahawa Bank tidak lagi bertanggungjawab di bawah Surat Kredit;

anda berhak meminta pertunaian dari Bank untuk Jumlah LC yang Ditetapkan dan Jumlah Toleransi yang Ditetapkan, jika berkenaan, dan dengan syarat Bank berpuas hati bahawa tiada lagi tuntutan lanjutan akan timbul di bawah atau berkenaan dengan Surat Kredit (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang penangguhan hak untuk melakukan permintaan atau menerima bayaran yang timbul daripada sebarang injunksi atau larangan yang diberikan oleh mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa lain), Bank akan melaksanakan pertunaian Surat Kredit dengan membayar anda jumlah yang bersamaan dengan Jumlah LC yang Ditetapkan dan Jumlah Toleransi yang Ditetapkan, jika berkenaan, ditolak apa-apa bayaran yang perlu dibayar dan terhutang oleh anda kepada Bank selaras dengan Terma dan Syarat ini (jumlah sedemikian yang perlu dibayar oleh Bank kepada anda selepas ini dirujuk sebagai "**Jumlah Pertunaian**") adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- (i) Jumlah Pertunaian mestilah berada dalam Akaun Mata Wang pada setiap masa; dan
- (ii) sekiranya Jumlah LC yang Ditetapkan dan Jumlah Toleransi Yang Ditetapkan, jika berkenaan, adalah dalam mata wang yang berbeza daripada Mata Wang Akaun, Bank akan menukar Jumlah Pertunaian ke Mata Wang Akaun dengan menggunakan kadar pertukaran yang lazim Bank pada hari Bank melakukan pembayaran kepada anda dan membayar jumlah yang ditukarkan seperti yang dinyatakan di atas kepada anda.

Anda dengan ini mengakui dengan jelas bahawa pembayaran Jumlah Pertunaian oleh Bank tidak akan dianggap dalam apa-apa cara sekalipun sebagai bayaran balik pembayaran yang dilakukan oleh anda kepada Bank seperti yang telah didebitkan dari Akaun anda mengikut Klausula 3 di atas dan oleh itu, Bank tidak dalam apa-apa cara sekalipun akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk membayar sebarang kekurangan kepada anda yang mungkin disebabkan oleh turun naik mata wang, dan anda dengan ini mengakui bahawa anda tidak berhak untuk menuntut kekurangan tersebut dari Bank jika jumlah akhir yang dibayar oleh Bank kepada anda adalah kurang dari jumlah yang di debitkan dari Akaun anda oleh Bank menurut Klausula 3 di atas berdasarkan turun naik mata wang (sebagai perbezaan dalam kadar pertukaran yang digunakan oleh Bank pada waktu pendebitan dilakukan oleh Bank selaras dengan Klausula 3 di atas dan pada waktu Bank melakukan pembayaran kepada anda di bawah Klausula ini) dan anda selanjutnya bersetuju dan mengakui bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk membayar sebarang kekurangan kepada anda yang mungkin disebabkan oleh turun naik mata wang dan anda tidak akan berhak untuk menuntut kekurangan tersebut daripada Bank.

Bayaran yang dinyatakan di atas oleh Bank kepada anda adalah tanpa sebarang faedah dan akan ditolak penolakan sedemikian yang akan dilakukan oleh Bank seperti yang dibenarkan di bawah Terma dan Syarat ini.

12. Anda dengan ini berjanji tanpa bersyarat dan secara muktamad untuk kekal melindungi Bank sepenuhnya atas permintaan daripada dan terhadap sebarang perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti termasuk tetapi tidak terhad kepada fi dan kos guaman (pada dasar peguam cara dan pelanggan) yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Bank:-

- (a) berhubung dengan atau sebagai akibat daripada pengeluaran Surat Kredit oleh Bank menurut Permohonan ini; dan
- (b) sebagai akibat daripada jumlah yang dibayar oleh anda kepada Bank menurut Klausula 3 di atas yang telah diketepikan, dielakkan atau dikurangkan di bawah sebarang undang-undang yang digunakan atau untuk apa-apa sebab sekalipun atau terbukti tidak sah untuk apa-apa sebab sekalipun.

13. Sekiranya anda gagal melakukan pembayaran untuk sebarang jumlah yang dituntut oleh Bank dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah Terma dan Syarat ini, Bank berhak untuk mengenakan faedah ke atas jumlah sedemikian pada kadar tiga persepuluh lima peratus (3.5% setahun) di atas Kadar Pinjaman Asas lazim Bank (juga selepas atau sebelum mana-mana perintah mahkamah atau penghakiman) atau apa-apa kadar lain sedemikian sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa pada budi bicara mutlak yang dikira dari tarikh jumlah tersebut dituntut dari Bank sehingga tarikh pembayaran penuh kepada Bank.

14. Sebagai pertimbangan kepada pengeluaran Surat Kredit oleh Bank menurut Permohonan ini, anda dengan ini mengakui dan mematuhi semua janji, perjanjian, dan akujanji yang dikenakan ke atas anda tanpa mengira sebarang pelanjutan, pembaharuan, perubahan atau pengubahsuaian dalam apa-apa bentuk kepada terma Surat Kredit.

15. Anda dengan ini mengakui bahawa Bank tidak akan mengeluarkan sebarang jaminan perkapalan dan/atau pengesahan terlebih dahulu berkenaan transaksi yang digunakan untuk Surat Kredit. Anda dengan ini mengakui selanjutnya bahawa Bank juga tidak akan layan sebarang permintaan tuntutan pembayaran melalui pemindahan bertelegraf.

16. Bank dibenarkan untuk mendedahkan semua maklumat yang berkaitan dengan anda dan/atau Surat Kredit serta terma dan syarat yang dikeluarkan kepada individu seperti berikut:-

- (a) mana-mana ahli Kumpulan Bank (seperti cawangan, agensi, pejabat wakil, syarikat bersekutu, gabungan atau berkaitan, dan pegawai, kakitangan atau agen masing-masing, sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia) untuk apa-apa tujuan berikut:-
  - (i) menyediakan anda dengan perkhidmatan perbankan dan/atau meningkat dan melanjutkan penyediaan perkhidmatan lain oleh Bank;
  - (ii) pelaporan dan pepadanan data;
  - (iii) pencegahan penipuan atau jenayah atau menyiasat, mencegah atau sebaliknya berhubung dengan perubahan wang haram atau apa-apa aktiviti jenayah lain;
  - (iv) kutipan hutang atau sebarang proses undang-undang yang dimulakan oleh atau dilaksanakan ke atas Bank;
  - (v) khidmat sumber luar operasi Bank atau mana-mana bahagian operasi Bank;
  - (vi) pelaksanaan tugas sebagai pegawai Bank atau berkaitan dengan pengauditan atau menjalankan pengurusan risiko;
  - (vii) memudahkan pelaksanaan fungsi Bank atau mana-mana ahli Kumpulan Bank;

- (viii) pematuhan pada polisi, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan Bank;
  - (ix) pelaksanaan peraturan korporat;
  - (b) mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang menyediakan perkhidmatan elektronik atau perkhidmatan lain kepada Bank untuk tujuan menyediakan, mengemas kini, menyengkarakan dan mempertingkatkan perkhidmatan tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada siasatan percanggahan, kesilapan atau tuntutan;
  - (c) untuk mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang dilantik oleh Bank untuk tujuan melaksanakan perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah menggunakan khidmat pakar luar;
  - (d) pihak polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan suatu penyiasatan berkaitan dengan sebarang kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
  - (e) bank, institusi kewangan, biro kredit atau agen rujukan kredit yang lain (hanya untuk maklumat kredit);
  - (f) juruaudit, peguam cara dan penasihat profesional Bank;
  - (g) pencetak alat tulis Bank, vendor sistem komputer yang digunakan oleh Bank, dan individu sedemikian yang memasang dan menyengkarakannya, serta pembekal barangan atau pembekal perkhidmatan lain yang dilantik oleh Bank;
  - (h) mana-mana penerima yang dilantik oleh Bank atau mana-mana pihak lain;
  - (i) mana-mana biro kredit di mana Bank adalah ahli, dan mana-mana ahli dan/atau jawatankuasa pematuhan biro kredit sedemikian;
  - (j) mana-mana agensi penarafan, syarikat insurans atau pembekal insurans atau pembekal perlindungan kredit secara langsung atau tidak langsung;
  - (k) mana-mana peserta atau sub-peserta sebenar atau berpotensi berhubung dengan sebarang tanggungjawab Bank di bawah perjanjian perbankan di antara Bank dan anda, atau pemegang serah hak, *novatee* atau penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, kakitangan, agen atau penasihat) atau mana-mana daripada mereka;
  - (l) untuk transaksi yang dilaksanakan atau diproseskan dengan atau tanpa kebenaran anda dalam atau melalui mesin juruwang automatik bank lain atau institusi kewangan atau bukan kewangan lain atau terminal atau mesin atau peranti dikendalikan kad lain yang diluluskan oleh Bank, kepada Bank, institusi kewangan atau bukan kewangan, pedagang atau pihak lain yang menerima penggunaan kad mesin juruwang automatik dan agen atau kontraktor mereka masing-masing;
  - (m) mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa-kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank atau mana-mana ahli Kumpulan Bank;
  - (n) mana-mana individu di mana Bank, atau mana-mana ahli Kumpulan Bank, dibenarkan atau diperlukan untuk melakukan pendedahan di bawah undang-undang mana-mana negara;
  - (o) mana-mana individu lain di mana pendedahan sedemikian dianggap sebagai untuk kepentingan Bank, atau kepentingan mana-mana ahli Kumpulan Bank (tidak termasuk perkongsian strategik untuk tujuan pemasaran dan promosi);
  - (p) Biro Kredit Pusat atau mana-mana pihak berkuasa atau badan lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;
  - (q) mana-mana pengarah anda.
17. Bank dan Kumpulan Bank boleh bertindak dalam apa-apa cara yang mereka anggap sesuai, tanpa berunding dengan anda terlebih dahulu, jika mereka dikemukakan dengan suatu perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh mahkamah daripada sebarang bidang kuasa. Anda bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan Bank dan/atau Kumpulan Bank untuk sebarang kerugian atau ganti rugi berhubung dengan tindakan mereka.
18. Perlindungan Data
- (a) Anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh Notis Privasi yang dikeluarkan oleh Bank (yang boleh didapati di cawangan Bank dan juga di laman web Bank di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my)) dan klausa dalam Terma dan Syarat ini yang mungkin berkaitan dengan pemrosesan Data Peribadi anda. Bagi mengelakkan keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap telah dimasukkan sebagai rujukan ke dalam Terma dan Syarat ini.
  - (b) Anda membenarkan dan bersetuju bahawa Bank boleh memindahkan Data Peribadi ke luar Malaysia. Semua Data Peribadi yang dipegang oleh Bank dan Kumpulan Bank akan diberi tahap perlindungan yang munasabah terhadap apa-apa kehilangan, salah guna, pengubahsuaian, akses tanpa kebenaran atau tidak sengaja atau pendedahan, perubahan atau pemotongan.
  - (c) Jika anda menyediakan Data Peribadi berhubung dengan pihak ketiga, termasuk data berhubung dengan waris terdekat dan tanggungan anda (jika anda seorang individu) atau data berhubung dengan pengarah, pemegang saham dan/atau pegawai anda (jika anda sebuah syarikat), bagi tujuan Permohonan ini dan Surat Kredit, anda:-
    - (i) mengesahkan bahawa anda telah mendapatkan persetujuan mereka atau sebaliknya berhak untuk menyediakan data ini kepada Bank dan untuk kami menggunakannya selaras dengan Terma dan Syarat ini;
    - (ii) berjanji bahawa anda telah memaklumkan pihak ketiga sedemikian untuk membaca Notis Privasi di laman web Bank di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my);
    - (iii) telah memaklumkan pihak ketiga sedemikian:-
      - 1) bahawa Bank mungkin mengumpul atau mengesahkan data peribadi dan kewangan mereka dengan sumber-sumber pihak ketiga;
      - 2) bahawa Bank boleh mendedahkan data peribadi mereka kepada kelas pihak ketiga seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi Bank;
    - (iv) bersetuju untuk memastikan bahawa data peribadi dan kewangan pihak ketiga sedemikian adalah tepat;
    - (v) bersetuju untuk mengemas kini secara bertulis kepada Bank jika terdapat sebarang perubahan ketara kepada data peribadi dan kewangan tersebut; dan
    - (vi) bersetuju bahawa Bank berhak dan layak untuk membatalkan/menamatkan barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh anda jika persetujuan sedemikian ditarik balik oleh pihak ketiga tersebut.
  - (d) Di mana anda mengarahkan Bank untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk melakukan atau menerima bayaran), butiran yang berkenaan dengan transaksi rentas sempadan (termasuk data yang berkaitan dengan pihak yang terlibat dalam transaksi tersebut) boleh diterima daripada atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berhubung dengan kewajipan sah mereka (contoh, pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan Bank dan/atau agen Bank untuk melakukan sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak anda, anda bersetuju dengan pendedahan di atas bagi pihak anda dan individu lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.

- (e) Selain itu, tetapi sentiasa tertakluk kepada sebarang undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau tanggungjawab) yang digunakan ke atas Kumpulan Bank (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), anda bersetuju bahawa Kumpulan Bank, serta pedagang dan rakan strategik Bank boleh menghubungi anda mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran yang Bank percaya mungkin menarik minat anda atau memanfaatkan anda dari segi kewangan. Walau apapun yang disebut di atas, Bank hanya akan mendedahkan Data Peribadi anda (tidak termasuk data yang berhubung dengan hal ehwal atau akaun anda) kepada pedagang dan rakan kongsi strategik Bank di mana persetujuan nyata anda telah diperolehi terlebih dahulu.
- (f) Anda boleh memilih untuk tidak menerima apa-apa bahan pemasaran langsung daripada Kumpulan Bank dengan menulis kepada Bank di 'Perkhidmatan Kewangan Peribadi, Peti Surat 13525, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur' (atau alamat lain sedemikian yang dimaklumkan oleh Bank) dengan permintaan anda dan Bank akan mematuhi arahan bertulis terkini anda kepada Bank.
- (g) Anda mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti penyata akaun dan laman web Bank mengandungi maklumat standard mengenai produk dan perkhidmatan lain Bank yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan penghantaran/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk Bank dan/atau tanpa mengenakan kos tambahan kepada anda.
- (h) Anda berhak untuk meminta secara bertulis:-
  - (i) untuk apa-apa maklumat berhubung dengan Data Peribadi anda yang dipegang atau disimpan oleh Bank, pada pembayaran fi yang ditetapkan;
  - (ii) untuk apa-apa maklumat yang dipegang atau disimpan oleh Bank yang perlu dikemaskini, dipinda dan/atau diperbetulkan;
  - (iii) untuk Bank menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda yang dipegang atau disimpan oleh Bank; dan
  - (iv) untuk membuat pertanyaan atau aduan berkenaan dengan pemprosesan Data Peribadi anda oleh Bank.

Untuk pertanyaan di bawah (i) atau (ii), anda boleh membuat permintaan kepada Bank melalui Borang Permintaan Mengakses Data atau Borang Permintaan Membetulkan Data Bank masing-masing. Borang-borang ini boleh didapati di cawangan-cawangan Bank dan juga di laman web Bank di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my).

Anda boleh mengarahkan semua permintaan anda ke mana-mana cawangan Bank atau ke 'Pengurusan Komunikasi Pelanggan, Peti Surat 11212, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur'.

Bank boleh mengenakan fi untuk memproses permintaan anda untuk akses atau pembetulan. Bank juga mungkin enggan mematuhi permintaan anda berkenaan dengan (i) atau (ii) di atas jika maklumat yang diberikan oleh anda tidak mencukupi sebagaimana yang ditentukan oleh Bank untuk tujuan di mana pelaksanaan permintaan sedemikian boleh memungkir atau melanggar sebarang undang-undang atau peraturan atau apa-apa sebab lain di mana Bank menganggap bukan pada kepentingan Bank untuk berbuat demikian. Jika Bank enggan mematuhi permintaan tersebut, Bank akan memaklumkan anda mengenai keengganan dan sebab keengganan Bank.

- (i) Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kepada Bank adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa maklumat tersebut sentiasa dikemaskinikan.
- (j) Jika anda kemudiannya menarik balik kebenaran anda untuk memproses Data Peribadi anda seperti yang diberikan terlebih dahulu kepada Bank, Bank tidak akan dapat memproses dan/atau mendedahkan Data Peribadi anda berhubung dengan tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi. Dengan itu, Bank berhak untuk tidak menyediakan atau tidak meneruskan penyediaan mana-mana produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang dikaitkan kepada Data Peribadi sedemikian.
- (k) Bank berhak untuk meminda Klausula 18 dari semasa ke semasa pada budi bicara tunggal Bank dan akan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda dan menyatakan apa-apa pindaan sedemikian di laman web Bank atau meletakkan notis di ruang perbankan atau di kawasan utama di cawangan Bank atau dengan apa-apa cara komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
- (l) Klausula 18 tidak akan menjejaskan sebarang klausa lain dalam Terma dan Syarat ini yang menyediakan pendedahan data.

## 19. Notis

- (a) Bank boleh menghantar notis dan komunikasi kepada anda dalam cara sedemikian yang dianggap sesuai oleh Bank. Notis dan komunikasi boleh dihantar dalam apa-apa cara berikut:
  - (i) melalui pos ke alamat anda seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan ini atau alamat terakhir lain sedemikian yang diketahui oleh Bank;
  - (ii) melalui penghantaran faksimile ke nombor faksimile terakhir yang diketahui oleh Bank;
  - (iii) melalui mel elektronik ke alamat mel elektronik terakhir yang diketahui oleh Bank;
  - (iv) melalui pemaparan di mana-mana cawangan Bank atau laman web Bank; atau
  - (v) melalui kemasukan ke dalam mana-mana penyata akaun yang dihantar oleh Bank kepada anda.
- (b) Notis atau komunikasi yang dihantar oleh Bank akan dianggap telah diterima oleh anda:-
  - (i) dua (2) selepas tarikh pengeposan, walaupun jika ia tidak dapat dihantar atau dikembalikan;
  - (ii) pada waktu penghantaran faksimile selesai;
  - (iii) pada waktu penghantaran mel elektronik selesai;
  - (iv) pada waktu penghantaran sistem pesanan ringkas (SMS) selesai;
  - (v) pada waktu pemaparan di cawangan atau laman web Bank; atau

- (vi) pada waktu penyata akaun dianggap telah diterima oleh anda.
- (c) Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa yang mungkin terjadi kepada notis atau komunikasi selepas ia dihantar, contohnya, jika apa-apa notis atau komunikasi ditangguhkan, dipintas, hilang, gagal untuk diterima atau didedahkan kepada mana-mana pihak semasa penghantaran.
- (d) Bank juga berhak untuk menyampaikan apa-apa notis berkenaan dengan Permohonan ini dan Surat Kredit melalui iklan dalam mana-mana satu surat khabar harian dan notis tersebut akan dianggap telah disampaikan kepada anda pada hari iklan tersebut muncul dalam surat akhbar tidak kira sama ada anda telah melihat iklan tersebut.
- (e) Anda mesti memaklumkan Bank secara bertulis dengan serta-merta mengenai apa-apa perubahan dalam alamat, nombor faksimile, alamat mel elektronik atau nombor telefon bimbit anda.
- (f) Jika Bank tidak menerima sebarang notis bertulis daripada anda mengenai apa-apa perubahan dalam alamat, nombor faksimile, alamat mel elektronik atau nombor telefon bimbit anda, anda bersetuju bahawa Bank boleh pada budi bicara mutlak Bank, bergantung kepada:-
- (i) sebarang alamat dan/atau maklumat hubungan yang dinyatakan dalam Borang Permohonan ini atau seperti yang dinyatakan dalam rekod Bank; atau
  - (ii) sebarang alamat, nombor faksimile, alamat mel elektronik atau nombor telefon bimbit yang diperoleh oleh Bank daripada sebarang komunikasi yang dikatakan telah dihantar oleh anda kepada Bank atau yang terakhir diketahui oleh Bank.
- (g) Kegagalan anda untuk memaklumkan Bank mengenai apa-apa perubahan dalam alamat, nombor faksimile, alamat mel elektronik atau nombor telefon bimbit anda yang mengakibatkan penangguhan atau tiada penghantaran sebarang surat-menyurat dan/atau notis tidak akan menjejaskan hak dan kelayakan Bank di bawah Terma dan Syarat ini.
20. Terma dan Syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Transaksi ini adalah tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan sedia ada di Malaysia termasuk tetapi tidak terhad kepada garis panduan kawalan pertukaran, Garis Panduan Dewan Perniagaan Antarabangsa (ICC) yang berkenaan termasuk Adat dan Amalan Seragam untuk Kredit Berdokumen (Semakan 2007), Penerbitan ICC No. 600 (UCP 600) atau apa-apa semakan atau pindaan lain yang dilakukan kepadanya dari semasa ke semasa dan juga peraturan yang dikenakan oleh Persatuan Bank-bank Malaysia dari semasa ke semasa. Anda secara muktamad menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia atau mana-mana mahkamah kompeten lain yang mungkin dilantik oleh Bank. Bank boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap anda di mahkamah Malaysia atau di mana-mana tempat lain di dunia. Anda menyetujui sebarang bantahan atas alasan bahawa tempat atau forum yang dipilih oleh Bank tidak sesuai untuk anda atau atas apa-apa alasan yang sama.
21. Jika mana-mana Terma dan Syarat ini adalah atau menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, terma dan syarat yang tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan tersebut akan dianggap sebagai tidak dimasukkan dalam Terma dan Syarat ini. Terma dan Syarat lain akan terus berkesan dan berkuatkuasa dan tidak akan terjejas dalam apa-apa cara sekalipun dengan terma dan syarat yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut.
22. Jika anda melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini, Bank boleh pada budi bicara tunggalnya memutuskan untuk tidak melaksanakan apa-apa hak yang mungkin berkaitan dengan Bank terhadap pelanggaran tersebut. Apa-apa keputusan Bank untuk tidak melaksanakan apa-apa hak yang Bank mungkin berkaitan dengan pelanggaran anda tidak dianggap sebagai pengecualian hak Bank dan Bank mengekalkan hak pada bila-bila masa selepasnya untuk menguatkuasakan atau menegakkan dengan tegas Hak Bank berhubung dengan pelanggaran itu atau mana-mana pelanggaran yang berikutnya oleh anda.
23. Dalam kes perkongsian, Terma dan Syarat ini akan mengikat semua rakan kongsi secara bersama dan berasingan walaupun terdapat perubahan dalam perlembagaan atau nama firma.
24. Terma dan Syarat ini akan mengikat dan ditujukan pada manfaat pengganti hak milik Bank dan anda.
25. Bank berhak untuk mengkaji dan menyemak Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis kepada anda.
26. Definisi dan Tafsiran
- (a) "Permohonan" merujuk kepada permohonan Surat Kredit X'press anda.
  - (b) "Borang Permohonan" merujuk kepada borang permohonan untuk Surat Kredit X'press.
  - (c) "Kumpulan" bermakna cawangan, agensi, pejabat wakil, syarikat gabungan, bersekutu atau berkaitan Bank, dan pegawai, kakitangan atau agen masing-masing, sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia dan termasuk Bank;
  - (d) "Anda" bermakna dan merujuk kepada Pemohon dalam Borang Permohonan.
  - (e) Perkataan yang menunjukkan bilangan tunggal juga merangkumi bilangan majmuk dan sebaliknya. Rujukan dan perkataan yang digunakan untuk orang sebenar juga termasuk mana-mana pertubuhan individu, syarikat, perbadanan, firma atau atau perkongsian yang diperbadankan atau tidak diperbadankan dan sebaliknya.